


PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH



★ Noor Habibah Kaderan
★ Mohd. Izham Mohd. Hamzah ★

PENGURUSAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH

Buku ini diterbitkan untuk memberikan maklumat berkaitan peranan pengetua dalam pengurusan kokurikulum sekolah di Malaysia. Amalan-amalan terbaik ini merupakan satu panduan yang sangat sistematik kepada para pengetua sebagai pentadbir kokurikulum di sekolah kerana ia memberikan panduan proses pengurusan kokurikulum yang sangat lengkap dan teratur merangkumi elemen merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Buku ini dapat memberikan paradigma baharu kepada guru-guru, murid, ibu bapa dan komuniti agar mempunyai perubahan sikap terhadap kepentingan kegiatan kokurikulum di sekolah dan berperanan dalam proses kemenjadian murid. Selain itu, buku ini menjelaskan bahawa elemen-elemen yang terkandung dalam Teori Pengurusan oleh Stoner, Freeman dan Gilbert (1995) boleh digabungkan dengan Teori Rangka Kepimpinan oleh Bolman dan Deal (1991) untuk menghasilkan satu panduan yang lengkap dalam Pengurusan Kokurikulum. Adalah diharapkan buku ini boleh dijadikan panduan oleh Institut Aminudin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah menengah serta seluruh kakitangan institusi pendidikan dalam mengenal pasti komponen yang perlu diberi keutamaan dalam pengurusan kokurikulum. Bagi pengetua, buku ini merupakan satu panduan terbaik untuk menghasilkan sesuatu yang luar biasa bagi kecemerlangan kokurikulum di sekolah anda.

NOOR HABIBAH KADERAN, PhD, Pensyarah di Jabatan Penyelidikan & Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Berpengalaman mengajar di beberapa buah sekolah di Johor, Kelantan dan Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan dan Pengurusan Kokurikulum serta aktif dalam Unit Beruniform Pandu Puteri. Beliau Ketua Unit Inovasi di IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi. MOHD IZHAM MOHD HAMZAH, PhD, Profesor Madya dalam bidang Pentadbiran Pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan perubahan dalam pendidikan, perancangan pendidikan, pengurusan sumber manusia dan reka bentuk latihan dalam pendidikan. Beliau juga merupakan seorang pentadbir yang berpengalaman di Fakulti Pendidikan UKM dan pernah memegang jawatan sebagai Penyelaras Program Khas Pensiswazahan Guru Besar, Ketua Pengurusan Kualiti Fakulti Pendidikan, Ketua Jabatan Asas Pendidikan, Ketua Jabatan Kepimpinan & Polisi Pendidikan, dan Timbalan Dekan Akademik Fakulti Pendidikan UKM.



<http://ukmpress.ukm.my>

